

penjana

Pelan Jana Semula Ekonomi Negara

SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)

BANTUAN KHAS PERBENDAHARAAN (PBKP) KEPADA NGO

1. Apakah Peruntukan Bantuan Khas Perbendaharaan (PBKP)?

- PBKP yang berkuatkuasa pada tahun 2001 adalah disasarkan kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) bagi tujuan melaksanakan program-program KPWKM yang berteraskan pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat sehingga ke peringkat akar umbi.

2. Siapakah yang layak memohon PBKP ini?h kos operasi yang akan ditanggung melalui peruntukan ini?

- Semua NGO yang berdaftar dengan Akta Pertubuhan 1966.



3. Agensi manakah yang terlibat?

Permohonan boleh dikemukakan kepada agensi di bawah KPWKM yang terlibat iaitu:-

- Jabatan Pembangunan Wanita (JPW)
- Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM); dan
- Lembaga Pembangunan Penduduk dan Keluarga Negara (LPPKN)

4. Siapakah kumpulan sasar yang akan menyertai program-program anjuran NGO yang menerima PBKP?

1. Pembangunan Wanita (JPW)
 - B40 dan M40
 - Usahawan Wanita
 - Pelajar Sekolah/Universiti

2. Program Kesejahteraan Keluarga (LPPKN)
 - Lelaki dan Perempuan
 - Pasangan Suami Isteri
 - Remaja
 - Keluarga

3. Program Pembangunan Masyarakat (JKM)
 - Kanak-kanak
 - Warga Emas
 - OKU
 - Papa Kedana
 - Mangsa Bencana



- Pertubuhan Sukarela Kebajikan

5. Apakah contoh program yang NGO boleh laksanakan?

1. Bidang Keutamaan Bagi Program Pembangunan Wanita

- Latihan dan peningkatan kemahiran
- Peningkatan kapasiti wanita
- Literasi Undang-undang
- Pengurusan Emosi
- Menangani keganasan terhadap wanita
- Kepekaan gender

2. Bidang Keutamaan Bagi Program Pembangunan Keluarga

- Kekeluargaan
- Keibubapaan
- Kebapaan
- Persediaan perkahwinan
- Pemantapan perkahwinan
- Pembangunan remaja
- Kesihatan reproduktif
- Pencegahan HIV/AIDS

3. Bidang Keutamaan Bagi Program Pembangunan Masyarakat

- Perlindungan dan Pemulihan Kanak-Kanak
- Advokasi & Literasi Akta-Akta Sosial & Undang-Undang



- Perlindungan dan Pemulihan Orang Kurang Upaya (OKU)
- Pemulihan dan Kesejahteraan Warga Emas
- Pemulihan dan peningkatan Kapasiti Orang Papa dan Pengemis
- Kajian dan Latihan dalam Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat
- Pembangunan Kapasiti Komuniti & Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK)
- Program-program sokongan kepada penghidap HIV/AIDS

6. Bagaimanakah tatacara permohonan PBKP?

- 1) Mengemukakan Kertas kerja dalam Bahasa Malaysia
- 2) Permohonan lengkap dan mengikut format
- 3) Menepati bidang keutamaan dan kumpulan sasaran
- 4) Kemuka Permohonan SEBELUM program dilaksanakan
- 5) Tatacara pemprosesan PBKP seperti di Lampiran A.

7. Bagaimanakah pelaksanaan program?

- Memaklumkan TARIKH JADUAL (TENTATIF) PELAKSANAAN PROGRAM, TEMPAT DAN NAMA PROGRAM berdasarkan Surat Perjanjian secara bertulis dalam TEMPOH 30 HARI selepas Surat Perjanjian ditandatangani
- Memaklumkan sebarang PERUBAHAN ALAMAT ATAU MAKLUMAT TERKINI Pertubuhan / Penerima Bantuan Khas
- SENTIASA MEMATUHI TERMA-TERMA dalam Surat Perjanjian dan Garis Panduan Pelaksanaan Program
- PERMOHONAN SECARA BERTULIS kepada Ketua Pengarah Agensi sekiranya Penerima Bantuan ingin:



- a) menukar program (Rujuk : Klausa Pindaan, Tambahan dan Perubahan Surat Perjanjian); dan
- b) melanjutkan tempoh pelaksanaan (3 bulan sebelum Surat Perjanjian TAMAT)

8. Siapakah pelulus permohonan NGO yang memohon

Permohonan NGO akan di bawa masuk dalam Mesyuarat Jawatankuasa Bantuan Khas Perbendaharaan KPWKM untuk proses pemilihan. Proses pemilihan dibuat berdasarkan pengiraan dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan

9. Bagaimanakah penyediaan Laporan Pelaksanaan Program PBKP

- Laporan Pelaksanaan Program dikemukakan DALAM TEMPOH 30 HARI SELEPAS PROGRAM berakhir
- PROGRAM SECARA BERSIRI/BERPERINGKAT, Laporan Kemajuan Pelaksanaan Program dikemukakan MENGIKUT PERINGKAT, TAHAP ATAU STATUS BESERTA DOKUMEN SOKONGAN PERBELANJAAN dalam TEMPOH 30 HARI selepas program dilaksanakan
- Laporan dalam BAHASA MALAYSIA
- NGO yang menerima PBKP yang tidak mengemukakan LPP akan dianggap GAGAL melaksanakan program seperti dipersetujui dalam Surat Perjanjian



10. Bagaimanakah cara NGO memberi penghargaan kepada kerajaan?

Program NGO yang dibiayai di bawah peruntukan Bantuan Khas Perbendaharaan perlu memberikan pengiktirafan kepada Kerajaan dengan menyatakan bahawa program tersebut merupakan anjuran bersama dengan KPWKM melalui penggunaan logo Kerajaan dan KPWKM.

**Sijil, bunting, banner/backdrop



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAMPIRAN A



Rajah 1 : Tatarajah Pemprosesan PBKP

Disediakan oleh:

Jabatan Kebajikan Masyarakat

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

7 Jun 2020



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT